

MASALAH KITA YANG WAJIB DIKAJI

Banyak-banyak belia-belia kita daripada peringkat baharu yang sangat kurang pengetahuannya dalam hal ehwal agama Islam telah terikut-ikut menuduh dengan berbagai tuduhan kepada kebersihan pengajaran Islam dengan sebab terpengaruh melihat keadaan di sekeliling masyarakatnya yang sangat buruk pada masa ini yang dengannya mereka jadikan hujah itulah dia pengajaran-pengajaran Islam sehingga ada daripada mereka-mereka yang jahil itu yang tergamak menyokong sesuatu rancangan memperundang-undangkan perkara-perkara itu yang menjadikan undang-undang Islam terletak di bawah kuasanya. Perbuatan-perbuatan yang demikian itu lama kelamaan semakin merebak dan perasaan mempercayai kepada agama itu semakin berkurangan dan oleh sebab itu di sini kita berpandangan molek sangat memberi keterangan tentang punca yang menjadikan sebab kepada kemunduran umat Islam yang dijadikan hujah untuk mencelanya pada hari ini. Barangkali ada faedahnya bagi pembaca-pembaca menatap pandangan seseorang pahlawan pena Islam yang masyhur Muhammad Farid Wajdi tatkala mengulas sebab-sebab kemunduran umat Islam di dalam tulisannya yang kita petik daripada kitabnya yang bernama Al-Islam Din Am Khalid. Makalahnya itu demikian bunyinya : -

SEBAB-SEBAB KEMUNDURAN UMAT ISLAM

Banyak penulis yang besar-besarkan baik daripada orang asing (Eropah) ataupun daripada anak-anak Islam sendiri yang telah menulis mengharungi maudu' ini. Penulis-penulis Islam itu sendiri telah mengatakan bahawa sebab kemunduran umat Islam itu ialah oleh kerana mereka telah tergelincir daripada ajaran-ajaran agamanya yang benar tetapi kebanyakan orang asing mengatakan bahawa sebab-sebabnya itu ialah kerana ajaran-ajaran Islam itu kaku beku dan menggalang kemajuan serta mendesak pemeluk-pemeluknya berserah kepada takdir Illahi sahaja.

Pada pendapat saya sekalipun pendapat penulis-penulis Islam telah menetapi kepada kebenaran, tetapi sebab-sebab yang mereka sebut itu, bukan itu yang terbesarnya, keadaannya masih boleh dibahas seperti dengan perkataan yang akan ditanya kepada

mereka – “Apa sebabnya yang telah menjadikan umat Islam membelaikan ajaran agamanya? Dan bagaimana pula seluruh negara-negara Islam boleh sekata dalam kemunduran yang tersebut?”

Kemunduran umat Islam yang meliputi atau yang telah melingkungi inilah yang telah memperdaya orang asing atau yang menjadikan sebab orang asing menuduh bahawa pengajaran Islam itulah sendiri yang telah menyebabkan sekalian umat Islam mundur. Apabila penulis-penulis Islam sendiri tidak dapat menerangkan sebab-sebab yang utama yang telah menjadikan orang Islam terpelengong daripada dasar agama yang jati maka sudah tentu penulis-penulis asing telah melakukan kesalahan yang lebih-lebih lagi oleh kerana mereka telah tidak menyebut sesuatu perkara yang tidak boleh dikecilkkan iaitu tidak masuk pada akal manusia bahawa Islam itulah yang telah membentuk umat Islam di tengah-tengah masyarakat dunia dan Islam itulah yang telah

mengerakkan mereka maju ke hadapan, maju ke tengah, sehingga mereka telah dapat menjadi pemimpin di seluruh dunia di dalam segala jenis ilmu pengetahuan, siasah dan tamadun yang tinggi – yang demikian itu telah nyata kelihatan semenjak persoalan lagi bahawa Islam bukanlah sahaja berjiwa baharu bahkan Islam telah dihasilkan berbagai-bagai jalan dan cara-cara baharu yang tidak pernah diketahui oleh manusia bagi membawa dan memimpin pemeluk-pemeluknya kepada tujuan dan jalan yang lebih jauh dan sesuai bagi menuaikan kewajipannya kepada seluruh dunia di dalam masa yang singkat jua.

Tidakkah Islam itulah yang telah menciptakan bagi pemeluk-pemeluknya di dalam masa yang tak sampai sekurun lamanya berkerajaan besar dari Masyrik hingga ke Maghribi? Tidakkah ianya yang membongkar segala pusaka yang terpendam yang telah ditanam oleh orang-orang Roman, Kaldan, Syrian dan lain-lainnya daripada segala jenis ilmu pengetahuan orang-orang mereka yang terdahulu sedang bangsa-bangsa yang tersebut telah redha hidup kira-kira seribu tahun lamanya di dalam jahil dan gelap. Orang-orang Islamlah yang bekerja keras mengumpul dan menterjemahkannya, menambah, membaiki dan menyebarkannya ke serata alam sehingga mereka lah yang menjadi sebab yang mustahak yang telah mengejutkan benua Eropah daripada tidur mereka yang lelap itu.


Dengan keterangan-keterangan yang tersebut, yang ahli-ahli tawarikh telah sekata membenarkannya, maka adakah boleh diterima akal bahawa Islam yang telah bekerja keras menyebarkan ilmu pengetahuan ke seluruh alam itu berpaling menjadi penghalang kemajuan Islam yang menyebabkan penduduk-penduduknya kaku beku dan hidup tidak bermaya, setelah mereka berkurn-kurn lamanya dengan sebab Islam telah berjaya menghidupkan segala ilmu pengetahuan dan menjayakan tamadun dunia?!

Kemunduran Islam itu sebabnya yang utama ialah oleh kerana mereka telah berpegang kukuh dan mengerjakan segala adat istiadat dan fahaman yang lapuk yang dengan kerananya Islam telah datang hendak meleburkannya dan menggantikan di tempatnya suatu peraturan masyarakat yang bebas sebagai landasan bagi sekalian umay melaluinya untuk mencapai kemajuan dengan bebas daripada belenggu-belenggu fahaman-fahaman yang lama yang biasanya menjadi penghalang kepada tiap-tiap gerak langkahnya.

Bagi menjelaskan dengan lebih terang dalam perkara ini maka perhati dan semaklah dengan saksama apa yang tersebut di bawah ini supaya dapat kita mengetahui bagaimana riwayatnya kemunduran yang telah terjadi kepada umum orang-orang Islam itu :-

Sebelum kedatangan Islam keadaan penduduk dunia umumnya

*Yang duduk di tengah itu ialah pahlawan Islam
yang terkenal, Muhammad Farid Wajdi
penulis rencana ini, yang sekarang
berumur lebih daripada 70 tahun.
di kananya Tuan Hamka di dalam
perjumpaananya dengan pujangga
Mesir itu dalam
lawatannya ke Mesir.*




dari pada segi agama menjadi tawanan kepada ketua-ketua agama iaitu ketua-ketua agama yang telah mengangkat diri mereka sebagai pemimpin-pemimpin rohani. Mereka, untuk mengekalkan kekuasaan yang tersebut, telah mendirikan tenteranya lalu menaburkannya merata-tempat dan dengan demikian menjadilah ia suatu kekuasaan rohani "Autokrat" (bermaharajalela) yang mutlak di dalam sebuah kerajaan yang berjalan atau yang berperintahan Autokratik (pemerintahan bermaharajalela – tidak menjalankan undang-undang. Dengan ini maka akibatnya orang ramai tercengkam oleh dua kekuasaan, kekuasaan rohani dan kekuasaan pemerintahan itu; yang menyebabkan mereka tertindas dan menderita dengan tekanan-tekanan yang hebat yang tersebut itu.

Dengan kerana keganasan-keganasan dan perbuatan-perbuatan yang berleluasa dan bermaharajalela itu maka semangat mereka telah menjadi lemah, jiwa mereka telah mati dan semenjak daripada masa itulah manusia telah hidup terbelenggu di dalam gerak langkahnya baik di dalam rohani ataupun di dalam jasmaninya. Kalau ada umpamanya pada zaman itu sesiapa yang berani menzahirkan fahamannya yang tidak pernah didengar atau diperkatakan oleh ketua-ketua agama maka sudah tentu orang itu akan menerima balasannya yang hebat, ia akan dibakar hidup-hidup, disula, dilontar dari kemuncak yang tinggi, diikat di hujung ekor kuda yang akan dipecut dengan cemeti supaya lari menyeretnya dan mencarikkan badannya menjadi berkecak-kecak dengan keadaan yang dahsyat dan luar biasa. Keadaan ini semakin menjadi-jadi dan semakin hebat oleh kerana kekuasaan negeri pada masa itu telah terpengaruh atau terletak di bawah

pengaruh atau kekuasaan ketua-ketua agama yang dengannya sudah tentu tidak ada halangannya lagi bagi menunaikan tindasan-tindasan yang tersebut.

Cara pemerintahan yang sedemikian itu zalim dan kejamnya, cara pemerintahan yang sedemikian itu bengisnya telah memaksa penduduk-penduduk benua Eropah seribu tahun lamanya duduk di dalam gelap bahkan demikian itulah juga keadaannya



Tuan Liquat Ali Khan, Perdana Menteri Pakistan melawat Amerika sedikit hari yang lalu. Negeri Pakistan yang ada sekarang adalah diharap oleh dunia Islam bagi menjadi timbang kebangkitannya pada masa yang akan datang. Pemerintahannya adalah sekarang disesuaikan dengan pengajaran yang berdasar kepada Al-Quran dan Al-Hadis – Gambar-gambar Mesir yang lucu-lucu itu sekarang diharamkan dimasukkan ke sana sebab mereka mengetahui bahawa kebudayaan Mesir sekarang telah karam.

penduduk-penduduk di benua yang lain dan dengan kerana inilah Allah Subhanahu wa Taala telah membentuk umat Islam di bawah pemimpin Saidina Muhammad (SAW) Khatam An-Nabiyyin bagi menyelamatkan penduduk dunia daripada bahaya-bahaya yang tersebut. Kewajipan bagi menyelamatkan penduduk-penduduk dunia inilah yang telah ditunaikan oleh umat Islam dengan sebaik-sebaiknya dan dengan wjudnya umat Islam itu terbentuklah "Tamatun Barat" dengan kekuatan

kekayaan dan kemajuan ilmu pengetahuan seperti yang ada sekarang ini.

Tetapi malangnya di seluruh alam Islami hari ini, barang di mana jua kita dapati mereka telah tergelincir daripada asas dan landasan yang ditaja oleh Islam dengan mereka mengerjakan segala peraturan salah baik yang mengenai agama mahupun untuk mengenai masyarakat yang dengan kerananya Islam telah datang untuk meleburkannya. Mereka sendiri telah termasuk ke dalam kesalahan yang pemeluk-pemeluk agama yang lain telah mengerjakannya, dan dengan ini maka tataplah sabda Rasul-lullah (SAW) yang maskudnya: "Sesungguhnya kamu akan menurut cara-cara peraturan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, tiap-tiap sejengkal dengan sejengkal – tiap-tiap satu hasta dengan satu hasta walau sekalipun mereka telah memasukkan lubang biawak pasir nescaya kamu akan memasukinya juga. "Pada masa itu salah seorang sahabat yang hadir di situ telah bertanya kepada junjungan kita: "Adakah begini, begini ya Rasul-lullah? "dengan soal itu lalu ia menyebutkan kepada Rasulullah (SAW) dua nama kumpulan yang terbesar (Yahudi dan Nasrani).

Pertanyaan itu dijawab oleh Rasulullah dengan katanya:

"*Faman*? Yakni kalau bukan mereka siapa lagi?

Apakah sebabnya yang telah mendesak umat Islam tunduk kepada peraturan agam dan masyarakat yang salah yang datuk nenek mereka pada masa yang lalu telah bekerja keras untuk menyelamatkan dunia daripada cengkaman bahayanya? Sekarang akhirnya mereka sendiri pula berkeadaan seperti umat yang terdahulu yang berkeadaan di dalam kaku beku yang bertentangan dengan keadaan tabii yang menjadi asas kemajuan yang dengan kerananya umat Islam telah lumpuh atas tiap-tiap kelebihan yang pernah mereka mempunyainya bahkan mereka telah menjadi merana menahan tekanan penyakit yang payah hendak diubati itu.

Rasanya sebab-sebab yang tersebut tidak begitu payah hendak menyelidikinya – semaklah keterangannya : -

Sebaik-baik sahaja terbentuk umat Islam maka Rasulullah

(SAW) sendiri tampil ke hadapan memimpinnya kemudian umat Islam itu telah dipimpin oleh Khulafa' Ar- Rashidin (sahabat nabi yang berempat), kemudian sesudah itu mereka terletak dibawah pimpinan kerajaan bani Ummayah – di dalam peringkat ini mereka belum begitu dihinggapi oleh penyakit yang terdahulu (dalam masa pemerintahan ini mereka salah memilih beberapa orang ketua ataupun membesarlu perasaan perkauman yang telah dileburkan oleh orang Islam).

Kemudian datang pula peringkat kerajaan Abbasiyah naik berkuasa di sini kelihatan kekuasaan mereka telah naik memuncak kerana pada masa itu boleh dikatakan tidak ada sebuah kerajaan asing pun di bumi yang sanggup menentang kerajaan Islam ini – pada masa itu timbulah perasaan bersukaria dan membazir serta lalai menunaikan kewajipan mereka terhadap kepada kerajaan ataupun kepada agama. Dan ini bertambah buruk lagi apabila difikirkan seseorang yang telah menduduki Menteri, ataupun kadi yang tiba-tiba terguling di dalam penjara ataupun ke liang maut dan harta bendanya menjadi rampasan disebabkan oleh sekecil-kecil tohmah yang telah didatangkan oleh sebahagian daripada sahabat-sahabat Raja. Dengan kejadian-kejadian yang buruk ini maka timbulah perasaan bermuka-muka dan ampu mengampu sedang kedua-duanya adaalah sifat-sifat yang membawa kepada melalaikan maslahat ramai dan membawa kepada bertumpu atas maslahat-maslahat diri sendiri jua.

Jangan pula dilupakan bahawa bangsa-bangsa yang telah redha menjadikan agama Islam itu agama mereka, mereka memeluknya sedang jiwa mereka telah sebatи pula dengan peraturan-peraturan cara "Autokrat" yang mengenai agama, masyarakat dan kerana itu maka mereka pun bekerja menghidupkan peraturan yang tersebut disebabkan oleh kerana ada perasaan ikutan-ikutan yang telah dipusakainya turun temurun; dan apabila setengah daripada mereka telah menduduki kerusi pemerintahan maka mereka telah mengatur dan menyusun hak ehwal dunia dan agama menurut perasaan yang telah sebatи di dalam jiwa mereka – bukannya menurut yang dikehendaki

oleh agama Islam yang sebenar.

Dua kurun lamanya kerajaan Islam berdiri dengan perdiriannya yang telah kukuh setelah itu timbulah perpecahan di antara penganjur yang berbagai-bagai bangsa itu sehingga apabila seseorang penganjur baharu sahaja memegang kekuasaan di dalam sebuah negeri maka tiba atau timbul pula lawannya yang hendak merampas kekuasaan itu daripada tangannya yang menjadikan, “perang saudara” – dan setelah salah seorang daripada mereka itu berjaya maka yang lain pula datang menyerangnya. Dengan hal yang demikian ini maka alam Islami pun telah diliputi oleh peperangan yang tidak reda-redanya beberapa kurun lamanya.

Dengan ini maka tidaklah menjadi pelik sekiranya umat Islam telah dihinggapi oleh penyakit umat yang dahulu disebabkan kedudukan mereka yang telah terletak di bawah dua cengkaman kuasa – kuasa pemerintahan dan kuasa agama – yang kedua-dua telah mencengkam jalan nafsu umat Islam lebih daripada seribu tahun lamanya sehingga tiba zaman tersiar ilmu-ilmu pengetahuan Barat hari ini mendesak mereka kepada hidangan yang telah tersaji itu. Sudah tentu sebahagian daripada mereka telah bekerja-kerja kepadanya setelah mereka memutuskan perhubungan dengan Islam kerana mereka menyangka Islamlah yang telah menyebabkan nenek moyangnya hidup dengan mundur – padahal mereka tidak akan terjatuh ke dalam gaung yang sedemikian itu jika tidaklah kerana mereka sendiri yang telah berpaling daripada pimpinan dan panduannya yang sentiasa membawa ke arah bahagia dan sejahtera.

Inilah dia garisan-garisan besarnya yang telah menyebabkan kemunduran Islam itu beberapa kurun lamanya. Dengan ini maka timbulah pula kesannya bahawa apakah jalan yang baik bagi memperbaiki hal yang tersebut? Soal ini dapat dijawab oleh dua puak yang berlawanan pendapat di antara satu dengan yang lain.

Puak yang pertama berpendapat – umat Islam tidak akan hidup dengan sebenar-benar hidup melainkan mereka berbalik kepada ajaran-ajaran Islam yang sejati.

Puak yang kedua pula mengatakan – umat Islam itu

tidak boleh diharap bangun dan maju melainkan jiwa mereka yang berkobar-kobar dengan perasaan agama itu dilemahkan supaya ia tidak menjadi penghalang pada ketika hendak meniru kepada apa yang patut ditiru daripada cara peraturan tamadun Barat.

Golongan yang kedua ini kelihatan bekerja menyebarkan faham mereka dari segi yang mendatangkan syak atas kebenaran agama Islam – mereka menyelitkan berbagai-bagi racun di dalam tulisan-tulisan mereka dengan cara yang sangat halus – yang tak diketahui melainkan oleh orang-orang yang celik pandangannya. mereka menyiarkan beberapa contoh tulisan-tulisan, kupasan-kupasan dan pandangan-pandangan yang boleh menarik angkatan baru kerana mereka diruntun oleh perasaan bertaklid (terikut-ikut) yang telah menjadi tabiat yang sebatik kepada kebanyakan kita. Siaran-siaran yang demikian sudah tentu akan berkesan kepada meringankan agama dan ulama-ulamanya – yang demikian lebih-lebih lagi membawa kesan kepada mereka-mereka yang berjiwa penghina kepada agama ataupun ke atas mereka-mereka yang telah diselaputi oleh perasaan bahawa agamanya atau adat istiadat ketimurannya tidak mengandungi sesuatu benda yang mustahak difikirkan.

Kesan tulisan yang beracuan itu jika tidak berbuat hari ini dengan perasaan mencapak agama dengan berterus terang maka ia akan berbau dalam masa tidak lama lagi.

Sekianlah makalahnya dan kemudian kita akan menyambungnya pula dengan keterangannya tentang bagaimana jalan untuk membaikinya dengan cara dan hakikat yang baharu. Pergerakan yang berbahaya ini patut ditentang dan perasaan itu sebenarnya telah mulai tumbuh di dalam angkatan baharu kita yang sedang mara diayun oleh gelombang hidup dengan tidak menoleh ke kiri atau ke kanan itu. Ikhtiar itulah sahaja kelak yang dapat menarik umat kepada jalan kebahagiaan dunia dan akhirat dengan mengikuti kehendak dan masyarakat yang boleh didapati daripada menyambut ajaran-ajaran Islam yang sebenar.